

**TRANSFORMASI GERAKAN PEMISAH DAN
POTENSI PENYELESAIAN KONFLIK
DI SELATAN THAILAND**

CHE MOHD AZIZ BIN YAACOB

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2013

**TRANSFORMASI GERAKAN PEMISAH DAN
POTENSI PENYELESAIAN KONFLIK
DI SELATAN THAILAND**

oleh

CHE MOHD AZIZ BIN YAACOB

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

April 2013

PENGHARGAAN



Tidak ada daya dan kekuatanku kecuali kekuatan Allah S.W.T. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhamad S.A.W junjungan umat segenap alam yang membawa kesejahteraan dan syafaat kepada mereka yang beriman.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan hidayahNya dapat saya menyiapkan tesis ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Penyelia Profesor Dr. Kamarulzaman Askandar dan isteri Dr. Ayesah Abubakar yang banyak berkorban masa dan tenaga dalam membimbing saya menyiapkan penyelidikan ini. Begitu juga dengan Dr. Azeem Fazwan Ahmad Farouk selaku Penyelia Bersama yang turut sama memberi pandangan dan tunjuk ajar sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan di REPUSM iaitu saudara Aizat Khairi, Mior Khairul Azrin, Afrizal, Suardi, Suyatno, Nik Anuar, Phaison Dauh, Khozalee Awae dan Sachiko Ishikawa yang tidak jemu-jemu berkongsi ilmu sepanjang belajar bersama. Begitu juga kepada Norazrina dan En. Adnan selaku staf pentadbiran di REPUSM yang memberi penuh sokongan dan kerjasama dalam mengendalikan penyelidikan. Ucapan ribuan terima kasih juga ditujukan kepada barisan responden yang terdiri daripada kepimpinan Pertubuhan Gerakan Pembebasan Patani seperti Kasturi Mahkota, Abu Yasir Fikri, Dr. Mukhtar Arief, En. Hamdan, Ustaz Harun, En. Hadi Ismail, Che Soh, Abdul Aziz Mentari, Jik Ariffin, Keli Bendang, Abu Jauwab, En. Rozi, En. Awang dan lain-lain lagi yang sanggup berkorban memberi maklumat sepanjang kajian ini dijalankan. Ingatlah!! Perjuangan ke arah Patani yang aman sejahtera secara adil, menyeluruh dan berkekalan masih belum tamat. Ucapan terima kasih juga kepada Universiti Sains Malaysia yang menawarkan *Fellowship* kepada saya. Tanpa biasiswa daripada USM kemungkinan saya tidak mampu untuk menampung perbelanjaan kewangan sepanjang saya menyiapkan Ijazah Doktor Falsafah ini. Saya doakan agar USM akan menjadi sebuah institusi pengajian tinggi yang berkembang pesat dan terkenal di mata dunia.

Tesis ini adalah tanda pengorbanan seorang isteri bersama anak-anak. Oleh itu, ucapan kasih dan sayang yang tidak terhingga buat isteri dan anak-anak tercinta Pn. Norli binti Mahmood, Nadia Danish dan Hariz Danish yang banyak berkorban demi melihat kejayaan saya. Mereka adalah sumber inspirasi dan kekuatan saya dalam menyiapkan tesis ini. Begitu juga dengan Bonda Hajah Aminah binti Ahmad yang tidak jemu-jemu menyokong dan menasihati saya untuk berjaya dalam hidup di samping adik-beradik yang selama ini banyak memberi semangat untuk melihat saya berjaya. Sumbangan kalian amat berharga dan bernilai buat saya. Hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalasnya. Di sini saya berdoa kepadaNya semoga kalian semua mendapat rahmat dan berjaya dunia akhirat.

C. M. AZIZ YAACOB
REPUSM, 2012
Universiti Sains Malaysia

SUSUNAN KANDUNGAN

	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	ii
SUSUNAN KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI ABREVIASI	ix
SENARAI LAMPIRAN	xii
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT	xiv
BAB SATU: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	3
1.2.1 Komposisi Penduduk	3
1.2.2 Sejarah Umum Konflik Patani	6
1.3 Sorotan Karya	10
1.4 Kerangka Teoretikal I: Transformasi Sebagai Penyelesaian Konflik	15
1.4.1 Faktor-faktor kepada Pembentukan Transformasi Konflik	15
1.4.2 Lima Pemboleh Ubah Transformasi Konflik	19
1.4.3 Gerakan Pembebasan: Impian, Nilai, Keupayaan dan Keganasan	26
1.4.4 Peluang-peluang Mempertahankan Kedudukan, Matlamat dan Tindakan	30
1.4.5 Punca Tindakan Agresif: Permusuhan dan Penyerangan	32
1.5 Kerangka Teoretikal II: Hubungan Konstruktif dengan Kumpulan Bersenjata Bukan Kerajaan	33

1.5.1	Definisi Kumpulan Bersenjata Bukan Kerajaan (KBBK)	33
1.5.2	Jenis-jenis Kumpulan Bersenjata Bukan Kerajaan (KBBK)	36
1.6	Model Cadangan: Transformasi Aktor, Hubungan Konstruktif dan Potensi Penyelesaian Konflik di Patani	40
1.7	Pernyataan Masalah	48
1.8	Persoalan Kajian	49
1.9	Objektif Kajian	50
1.10	Metodologi Penyelidikan	51
1.10.1	Reka Bentuk Kajian	51
1.10.2	Kaedah Pengumpulan Data	52
1.10.3	Kaedah Analisis Data	54
1.10.4	Skop dan Batasan Kajian	55
1.11	Huraian dalam Semua Bab	55
BAB DUA: KERANGKA TEORITIKAL PEMBINAAN PERDAMAIAN, TRANSFORMASI KONFLIK DAN HUBUNGAN KONSTRUKTIF		
2.1	Pengenalan	58
2.2	Evolusi Ilmu Konflik dan Perdamaian	59
2.3	Perdamaian: Konsep dan Proses	68
2.3.1	Definisi Perdamaian dan Pembinaan Perdamaian	68
2.3.2	Rekonsiliasi dan Peranan Aktor dalam Pembinaan Perdamaian	69
2.3.3	Pendekatan <i>Multi-track</i> dalam Pembinaan Perdamaian	75
2.3.4	Pemberesan dan Penyelesaian Konflik	85
2.4	Transformasi Konflik	88
2.4.1	Definisi Transformasi Konflik	88
2.4.2	Pendekatan Transformasi dalam Memahami Konflik	91

2.4.3	Transformasi Konflik dan Elemen-elemen Perubahan	94
2.5	Transformasi Aktor: Nilai, Impian dan Keupayaan	98
2.5.1	Transformasi: Strategi Konflik Kekerasan kepada Politik	98
2.5.2	Sikap dan Tingkah Laku	101
2.5.3	Konflik antara Komuniti: Sistem Nilai dan Persepsi	105
2.5.4	Faktor-faktor Kebangkitan Pemberontakan	108
2.5.5	Keterpinggiran yang Relatif: Punca kepada Konflik Keganasan	112
2.5.6	Intensiti Keterpinggiran, Nilai-nilai Menonjol dan Keganasan Politik	116
2.6	Pembinaan Hubungan Konstruktif dengan KBBK	119
2.6.1	Definisi dan Rasional Hubungan Konstruktif	119
2.6.2	Kriteria-kriteria dalam Hubungan Konstruktif	123
2.7	Kesimpulan	130
 BAB TIGA: KONFLIK PATANI: SEJARAH, ISU, AKTOR DAN PENYELESAIAN		
3.1	Pengenalan	132
3.2	Sejarah Konflik	133
3.2.1	Sejarah Sebelum Revolusi Pemerintahan Thailand 1932	133
3.2.1	Sejarah Selepas Revolusi Pemerintahan Thailand 1932	142
3.3	Isu-isu Konflik	153
3.3.1	Penjajahan dan Kemerdekaan	153
3.3.2	Sosiobudaya: Asimilasi, Integrasi dan Diskriminasi	157
3.4	Pendekatan Pengurusan dan Penyelesaian Konflik	174
3.5	Kesimpulan	187

BAB EMPAT: GERAKAN PEMBEBASAN PATANI: PERTUBUHAN DAN PERUBAHAN

4.1	Pengenalan	188
4.2	Pihak-pihak yang Terlibat dalam Konflik	189
4.2.1	Kerajaan Thailand	189
4.2.2	Kumpulan Orang Awam	192
4.2.3	Aktor-aktor Tersembunyi	195
4.3	<i>Patani United Liberation Organization</i> (PULO)	199
4.3.1	Latar Belakang dan Perkembangan Pertubuhan	199
4.3.2	Tahun 2004: Perubahan dan Kedinamikan Pertubuhan	204
4.3.3	Isu dan Permasalahan dalam Pertubuhan	220
4.4	Barisan Revolusi Nasional Patani (BRN)	234
4.4.1	Latar Belakang dan Perkembangan Pertubuhan	234
4.4.2	Tahun 2004: Perubahan dan Kedinamikan Pertubuhan	240
4.4.3	Isu dan Permasalahan dalam Pertubuhan	248
4.5	Barisan Islam Pembebasan Patani (BIPP)	250
4.6	Gerakan Mujahideen Islamiya Patani (GMIP)	255
4.7	Kesimpulan	258

BAB LIMA: TRANSFORMASI GERAKAN PEMBEBASAN KE ARAH PENYELESAIAN KONFLIK; SATU PENGANALISAAN DI PATANI

5.1	Pengenalan	260
5.2	Keterpinggiran yang Relatif Sebagai Punca Keganasan	264
5.2.1	Ketidakseimbangan Impian dan Keupayaan	264
5.2.2	Perkaitan Pengaruh Hasutan dan Kekecewaan	271
5.3	Transformasi Konflik sebagai Proses Perdamaian di Patani	278
5.3.1	Proses Transformasi dan Penyelesaian Konflik Asimetrik	278

5.3.2	Konflik Patani: Elemen Konflik yang Sudah dan Belum Mengalami Transformasi	287
5.3.3	Transformasi Aktor dalam Proses Transformasi Konflik	295
5.4	Pembinaan Hubungan Konstruktif Sebagai Pelengkap kepada Transformasi Aktor	300
5.4.1	Rasional, Matlamat dan Aktor	300
5.4.2	Penyesuaian Pendekatan: Pembinaan Hubungan Konstruktif dan Transformasi Aktor	304
5.4.3	Hubungan Konstruktif dan Pembinaan Perdamaian: Pendekatan dan Aktiviti	310
5.4.4	Penyesuaian Kriteria Proses Perdamaian dalam Berurusan dengan PGPP	314
5.5	Potensi Penyelesaian: Transformasi Aktor dalam Pembentukan Nilai, Impian dan keupayaan Baru	325
5.6	Kesimpulan	333

BAB ENAM: TRANSFORMASI PGPP DAN POTENSI PENYELESAIAN KONFLIK DI SELATAN THAILAND: KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1	Pengenalan	335
6.2	Proses Perdamaian: Kekuatan dan Kelemahan Model Kajian di Patani	336
6.2.1	Pencapaian Kajian dan Tanggapan Masa depan	336
6.2.2	Kelemahan dan Penambahbaikan	346
6.3	Proses Perdamaian di Patani: Realiti dan Perkembangan Terkini	351
6.4	Cadangan Penyelesaian dan Penerusan Kajian Masa Depan	355

	SENARAI RUJUKAN	359
--	------------------------	-----

	LAMPIRAN	370
--	-----------------	-----

SENARAI JADUAL

		Muka surat
Jadual 1.1	Pecahan Kategori Responden untuk Ditemubual	53
Jadual 5.1	Elemen-elemen PGPP dan Konflik Patani yang Sudah Mengalami Transformasi	288
Jadual 5.2	Elemen-elemen PGPP dan Konflik Patani yang Belum Mengalami Transformasi	291

SENARAI RAJAH

		Muka surat
Rajah 1.1	Gambaran Proses Transformasi dan Perhubungan	16
Rajah 1.2	Transformasi Konflik Asimetrik	23
Rajah 1.3	Model Cadangan; Potensi Penyelesaian Konflik Melalui Transformasi Gerakan Pemisah di Patani	41
Rajah 2.1	Aktor dan Pendekatan dalam Pembinaan Perdamaian	72
Rajah 2.2	Penyelesaian Konflik <i>Multi-track</i>	76
Rajah 4.1	Carta Organisasi PULO	216
Rajah 5.1	Ilustrasi Pergerakan Proses Pembinaan Hubungan Konstruktif dan Penggunaan Pendekatan Pembinaan Perdamaian di kalangan PGGP	324
Rajah 5.2	Perkaitan Ilustrasi Proses Pembinaan Hubungan Konstruktif dengan Model Kajian	325

SENARAI ABREVIASI

ABREP	: Angkatan Bersenjata Revolusi Patani
ACASBP	: <i>Administrative Center for the Administration of Southern Border Provinces</i>
AJK	: Ahli Jawatan Kuasa
ASEAN	: <i>Association of Southeast Asian Nations</i>
Baht	: Nama Mata Wang Thailand
BBMP	: Barisan Bersatu Mujahidin Patani
BERSATU	: <i>United Front for the Independence of Pattani</i>
BIPP	: Barisan Islam Pembebasan Patani
BNPP	: Barisan Revolusi Nasional Pembebasan Patani
BRN	: Barisan Revolusi Nasional Melayu Patani
CPM-43	: <i>43rd Civil-Police-Military Joint Head</i>
CR	: <i>Conciliation Resources</i>
CSPPP	: <i>Committee on Southern Thailand Provinces Peace-Building Policy</i>
DPP	: Dewan Pimpinan Pusat
DSPP	: Dewan Syura Pimpinan PULO
EU	: <i>European Union</i>
FARC	: <i>Revolutionary Armed Forces of Colombia</i>
GAM	: Gerakan Aceh Merdeka
GEMPAR	: Gabungan Melayu Patani Raya
GMIP	: Gerakan Mujahidin Islamiya Patani
GURBAN	: Briged Gerila Bandar
HAMAS	: <i>Islamic Resistance Movement</i>

HD	: <i>Center for Humanitarian Dialogue</i>
ICG	: <i>International Crisis Group</i>
ICRC	: International Committee of the Red Cross
IFOR	: <i>International Fellowship of Reconciliation</i>
IHL	: <i>International Humanitarian Law</i>
IMT-GT	: <i>Indonesia - Malaysia-Thailand Growth Triangle</i>
IPPNP	: Ikatan Pemuda Pelajar Nasional Patani
IRA	: <i>Irish Republican Army</i>
ISA	: <i>Internal Security Act</i>
ITM	: Institut Teknologi Mara
JCR	: <i>Journal of Conflict Resolution</i>
JDA	: <i>Malaysia-Thailand Joint Development Area</i>
JI	: Jemaah Islamiah
JICA	: <i>Japan International Cooperation Agency</i>
KBBK	: Kumpulan Bersenjata Bukan Kerajaan
KOGAP	: Komando Operasi Gerak Angkatan Pemuda Patani
KPI	: <i>King Prajadiphuk Institute</i>
LRA	: <i>Lord's Resistance Army</i>
LTTE	: <i>Liberation Tigers of Tamil Eelam</i>
MAGERAD	: Majlis Gerakan Revolusi Dalam Negeri
MILF	: <i>Moro Islamic Liberation Front</i>
MKP	: Majlis Kepimpinan Pertubuhan
MLM	: <i>Multi-level Marketing</i>
MPRPM	: Majlis Permesyuaratan Rakyat Melayu Patani

MPTP	: Majlis Pembebasan Tindakan Patani
NATO	: <i>North Atlantic Treaty Organization</i>
NASOSI	: Nasional dan Sosialisme Islam
NGOs	: <i>Non-government Organizations</i>
NRC	: <i>National Reconciliation Commision</i>
NSC	: <i>National Security Council</i>
OIC	: <i>Organization of Islamic Cooperation</i>
OMIP	: Orang Melayu Islam Patani
PAS	: Parti Islam SeMalaysia
PBB	: Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
PGPP	: Pertubuhan Gerakan Pembebasan Patani
PKC	: Perwakilan Kepimpinan Cawangan
PKM	: Parti Komunis Malaya
PKRRP	: Pasukan Komando Revolusi Rakyat Patani
PLO	: <i>Palestin Liberation Organization</i>
PMHRO	: <i>Patani Malay Human Rights Organization</i>
PSC	: <i>Protracted Social Conflict</i>
PTT	: <i>International Petroleum Authority of Thailand</i>
PULO	: <i>Patani United Liberation Organization</i>
REPUSM	: <i>Research and Education for Peace</i>
RKK	: Runda Kumpulan Kecil
RM	: Ringgit Malaysia
RUF	: <i>Sierra Leone's Revolutionary United Front</i>
SBPAC	: <i>Southern Border Provinces Adiminsitrative Centre</i>

- SBPPC : *Southern Border Provinces Peacebuilding Command*
- SEACSN : *Southeast Asian Conflict Studies Network*
- SEASUCS : *Southeast Asia Conciliation to Stop the Use of Child Soldier*
- SPAC : *Southern Provinces Administrative Committee*
- SPLM/A : *Sudan People's Liberation Movement / Army*
- UBANGTAPEKMA : *Agama, Bangsa, Tanah Air dan Perikemanusiaan*
- UNESCO : *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization*
- USFOR : *United State Fellowship of Reconciliation*

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran A : Buku Perlembagaan PULO yang dipinda pada April 2005
- Lampiran B : Surat Pengesahan Kerajaan Thailand terhadap PGPP untuk Berdialog
- Lampiran C : Hasil Dialog Kerajaan Thailand dengan PGPP
- Lampiran D : Kenyataan BNPP tentang harga nyawa di Patani
- Lampiran E : Surat Penafian PULO Perpaduan terhadap Jawatan dan peranan Kasturi dan Dr. Mukhtar dalam PULO
- Lampiran F : Dokumen dalam bahasa Thai tentang tawaran harga Nyawa di Patani yang dikeluarkan oleh BNPP
- Lampiran G : Koleksi foto keterlibatan PULO dalam COP 4, Anjuran REPUSM
- Lampiran H : Koleksi foto sepanjang REPUSM melaksanakan pendekatan pembinaan hubungan konstruktif dengan PGPP
- Lampiran I : Beberapa contoh soalan yang digunakan dalam temubual

TRANSFORMASI GERAKAN PEMISAH DAN POTENSI PENYELESAIAN KONFLIK DI SELATAN THAILAND

ABSTRAK

Konflik di Selatan Thailand telah wujud sejak ratusan tahun yang lalu. Perjuangan untuk memerdekakan kawasan ini telah berlangsung dengan melibatkan pelbagai kelompok termasuk pihak beraja, ulama, serta kumpulan-kumpulan pejuang kemerdekaan yang terbentuk sejak tahun-tahun 1950an dan 1960an. Perjuangan kemerdekaan ini telah meletakkan kumpulan-kumpulan ini bertentangan dengan pemerintah Thailand dalam konflik “penentu nasib sendiri” (*self-determination*) yang melibatkan isu-isu identiti, politik, sosio-ekonomi, keadilan, dan lain-lain lagi. Kajian ini memfokuskan kepada kumpulan-kumpulan ini dengan melihat kepada transformasi mereka dari segi organisasi, pergerakan, strategi serta hala tuju, dan potensinya kepada transformasi situasi konflik di Selatan Thailand. Beberapa persoalan utama ditanya oleh kajian ini termasuk apakah perubahan-perubahan yang berlaku dalam Pertubuhan Gerakan Pembebasan Patani (PGPP) selepas tahun 2004 dan impaknya kepada transformasi konflik? Adakah transformasi PGPP ini telah membawa kepada perubahan yang konstruktif atau sebaliknya? Siapakah atau kumpulan manakah yang aktif dan memberi impak kepada proses transformasi ini? Akhir sekali, apakah dinamika hubungan antara kumpulan-kumpulan PGPP ini dan apakah kesannya kepada proses transformasi. Soalan-soalan ini dikemukakan bagi mencapai objektif kajian termasuk mengenal pasti elemen perubahan dalam PGPP; bagaimana ianya mempengaruhi transformasi konteks, isu, struktur dan personel yang wujud dalam konflik; serta mengkaji impak transformasi ini ke arah perubahan konstruktif yang boleh membawa penyelesaian konflik. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan pengumpulan data berbentuk primer dan sekunder. Data primer diperoleh melalui temu bual secara mendalam (*In-depth Interview*) dengan pemimpin organisasi dan ketua pasukan bersenjata bagi setiap kumpulan PGPP yang aktif. Manakala data sekunder (tesis, buku, laman sesawang, artikel, jurnal, keratan akhbar dan laporan) digunakan untuk memantapkan lagi penemuan-penemuan yang diperoleh daripada temu bual secara mendalam. Kajian ini mendapati bahawa PGPP khususnya PULO dan BRN aktif melakukan perubahan bagi menyesuaikan pendekatan perjuangan mereka dengan persekitaran politik semasa. Pendekatan perdamaian dan diplomasi semakin diterima sebagai pendekatan utama oleh kelompok ini berbanding pendekatan bersenjata yang masih sebenarnya digunakan untuk menekan pemerintah Thailand bagi melihat kesungguhan rakyat Patani dalam memperjuangkan kepentingan mereka. Akhir sekali, kajian ini mendapati bahawa transformasi juga berlaku dalam perhubungan antara PGPP dengan masyarakat Patani, khususnya masyarakat sivil dalam dan luar negeri. Ini seterusnya memberi kesan yang positif kepada potensi penyelesaian konflik di Selatan Thailand. Masyarakat sivil dilihat sebagai mempunyai potensi untuk menghubungkan PGPP dengan pemerintah Thailand dan masyarakat umum di Patani, di samping memainkan peranan untuk mentransformasikan keadaan melalui peningkatan kapasiti PGPP dan menyediakan mereka untuk proses perundingan dan perdamaian seterusnya. Sebagai kesimpulan, hasil kajian ini boleh dilihat sebagai menyumbang kepada proses mencari penyelesaian konflik yang berkekalan di wilayah Selatan Thailand.

TRANSFORMATION SEPARATIST MOVEMENT AND POTENTIAL CONFLICT RESOLUTION IN SOUTHERN THAILAND

ABSTRACT

The conflict in Southern Thailand has been around for hundreds of years. The struggle to liberate the area has involved different groups, including the royals, religious leaders, and groups demanding independence formed in the 1950s and 1960s. The independent struggle has pit these groups against the government of Thailand in a self-determination type struggle which involving issues of identity, politics, socio-economy, justice, and others. This study focuses on these groups by looking at them in terms of the organizational transformation, movement, strategy and direction, and the potential to transform the conflict situation in Southern Thailand. Some of the main questions asked by this study include whether the changes in the Liberation Movements (PGPP) after 2004 has had an impact on transforming the conflict? Has this PGPP transformation led to constructive changes, or the opposite? Who or which groups are active and have an impact on the transformation process? Finally, what is the dynamics of the relationship between these PGPP groups and the effect on the process of transformation. These questions are presented to achieve the objectives of the study which include identifying elements of change in each PGPP; looking at how they have affected the transformation context, issues, and personnel structure that exist in the conflict; and examining the impact of this transformation towards constructive change and conflict resolution. This is a qualitative study using both primary and secondary data. The primary data is obtained through in-depth interviews with active leaders of the organizations, including the armed wings. The secondary data is obtained from theses, books, websites, articles, journals, newspaper articles and reports, and is used to strengthen and verify the findings derived from the in-depth interviews. The study found that the movement, in particular the BRN and PULO, has transformed and adapted their approaches according to current political environment. The peace and diplomacy approach is gaining acceptance as the primary approach by the PGPP as opposed to an armed struggle approach, which is still used to put pressure on the Thai Government to show the determination of the Patani people in their struggle. Finally, this study also found that transformation has occurred in the relationship between the PGPP and the Patani society, especially the civil society both local and international. This in turn had a positive effect on the potential of conflict resolution in Southern Thailand. Civil society is seen as having the potential to link the PGPP to the Thai government and general population in Patani, as well as play a role in transforming the situation by raising the capacity of the PGPP and preparing them for a future peace negotiation process and beyond. In conclusion, the findings of this study is seem as contributing to the process of searching for a durable solution to the conflict in Southern Thailand.

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pergolakan di Patani¹ merupakan konflik bersenjata antara Orang Melayu Islam Patani (OMIP) dengan kerajaan Thailand melibatkan isu kemerdekaan dan identiti. Konflik ini dilihat reda sekitar tahun 80an hingga 90an tetapi muncul kembali pada tahun 2004 dengan siri keganasan yang serius. Akibatnya, insiden yang melibatkan kecederaan dan kematian² boleh dikatakan hampir setiap hari di wilayah Pattani, Narathiwat dan Yala.³ Pihak yang terlibat melakukan serangan ini terdiri daripada banyak pihak, antaranya anggota gerakan pemisah, penjenayah, ahli politik, orang awam dan pasukan keselamatan sendiri.⁴ Menurut Haji Abdul Rahman Daud, mantan Ketua Majlis Agama Wilayah Pattani menyatakan bahawa pihak-pihak yang melakukan serangan sukar dikenal pasti kerana mereka cukup terlatih serta mempunyai perancangan yang cukup rapi.⁵ Sasaran mereka terdiri daripada orang awam, pegawai

¹ Patani merujuk kepada sebuah negeri yang merangkumi wilayah Pattani, Narathiwat, Yala dan beberapa daerah dalam wilayah Songkhla. Dahulunya Patani merupakan sebuah negeri Melayu sama dengan negeri Melayu di Semenanjung Malaysia seperti Kedah, Kelantan, Pahang dan lain-lain lagi. Namun, Patani telah dijajah oleh kerajaan Siam dan kemudiannya dipecahkan menjadi wilayah kecil seperti mana yang ada pada masa kini. Oleh itu, perkataan Patani akan mewakili wilayah-wilayah terdapat di dalamnya dan digunakan dalam kajian ini bagi menggantikan nama Selatan Thailand kerana ia mewakili 14 wilayah di selatan Negara Thailand. Justeru, konflik Patani tidak berlaku dalam semua wilayah Selatan Thailand dan hanya dalam wilayah Pattani, Narathiwat dan Yala sahaja.

² Menurut Dr. Srisompob Jitpiromsri, seorang penyelidik di Pusat Penyelidikan Konflik dan Kepelbagaian Budaya, *Prince of Songkhla University* yang berpangkalan di Patani menyatakan bahawa berdasarkan kepada statistik yang diambil, antara tahun 2004 sehingga Januari 2011 sebanyak 10,660 insiden berlaku dan daripada jumlah insiden tersebut, seramai 4,631 orang terkorban dan 7,505 yang tercedera. Manakala jenis-jenis serangan yang berlaku seperti pengeboman, tembak curi, sabotaj, pemenggalan kepala, bakar sekolah dan penculikan. Bagi mengetahui statistik lebih lanjut sila layari laman sesawang <http://www.deepsouthwatch.org/node/1603>

³ Temu bual dengan Nik Abdul Ghani Bin Nik Hashim, Pensyarah Prince of Songkhla University, Kampus Pattani pada 8 September 2006. Bertempat di penginapan pensyarah, Patani. Thailand. Responden bukan nama sebenar kerana atas dasar keselamatan.

⁴ Yaacob, C.M. A. (2009) *Konflik Pemisah di Selatan Thailand: Isu, Aktor dan Penyelesaian*. MA Tesis. Universiti Sains Malaysia. H. 216.

⁵ Kenyataan ini diperoleh semasa penulis menemu bual responden pada 8 Ogos 2006 di pejabat beliau iaitu Pejabat Majlis Agama Islam Patani. Thailand. Temu bual ini dibuat semasa proses kerja lapangan

kerajaan, pasukan keselamatan dan bangunan sekolah, premis perniagaan dan tempat-tempat awam.

Konflik tahun 2004 memberi cabaran baru kepada kerajaan Thailand untuk mengekalkan keamanan di tiga wilayah ini. Thaksin Shinawatra selaku Perdana Menteri Thailand di awal kemunculan konflik cuba menguruskan konflik melalui pendekatan ketenteraan namun tidak berjaya. Kegagalan kerajaan Thailand ini telah membawa konflik ke tahap yang lebih besar apabila berlaku insiden-insiden yang mengorbankan banyak nyawa seperti tragedi Masjid Kerisek dan tragedi Tak Bai. Pada 1 Oktober 2006, Surayud Chulanont yang menggantikan Thaksin Shinawatra menggunakan pendekatan yang aman dan lembut dalam mengatasi ketidakpuasan hati OMIP. Namun, masih lagi menunjukkan konflik masih lagi belum dapat diatasi.⁶ Usaha ini diteruskan oleh Perdana Menteri seterusnya iaitu Abhisit Vejjajiva dengan harapan dapat menghentikan aktiviti keganasan dan menyelesaikan permasalahan yang timbul.

Pergolakan yang berterusan di Patani mempunyai hubung kait dengan Pertubuhan Gerakan Pembebasan Patani (PGPP).⁷ Kumpulan ini mempunyai strategi⁸

menyiapkan tesis pengkaji yang bertajuk “Konflik Pemisah di selatan Thailand: Isu, Aktor dan Penyelesaian”.

⁶ Di awal pentadbirannya, beliau telah mengemukakan permohonan maaf secara terbuka di atas kesilapan kerajaan Thailand dan membebaskan mana-mana tahanan di bawah pemerintahan Thaksin. Selain itu, beliau telah membuka ruang kerjasama dengan pihak luar khususnya Malaysia untuk mendapat bantuan dan pandangan dalam menyelesaikan konflik di Patani.

⁷ PGPP hari ini melibatkan *Patani United Liberation Organization* (PULO) dan Barisan Revolusi Nasional Patani (BRN). Kedua kumpulan ini dilihat masih aktif melakukan aktiviti untuk membebaskan Patani menjadi sebuah negara yang merdeka daripada kerajaan Thailand.

⁸ Perubahan strategi yang berlaku dalam PGPP di Patani hari ini boleh dikaitkan dengan dua saluran transformasi konflik yang berbeza. Pertama perubahan yang berlaku ini merupakan usaha gerakan pemisah yang berhasrat untuk meningkatkan lagi intensiti konflik bagi mencapai tujuan tertentu. Kedua, perubahan yang berlaku ini perlu ditransformasikan ke arah perdamaian agar membolehkan konflik ini berada di saluran positif. Sebagai contoh, sesebuah kumpulan gerakan pemisah yang berubah dari segi pemimpinnya pasti membawa kepada perubahan perlembagaan, bentuk komunikasi, persepsi, strategi dan lain-lain lagi dalam pertubuhan. Oleh yang demikian, kemungkinan berlakunya perubahan kepimpinan dalam gerakan pemisah hari ini sehingga pendekatan yang digunakan dalam berhadapan dengan kerajaan Thailand jelas berbeza berbanding sebelumnya.

yang terancang sehingga menyukarkan kerajaan Thailand mengatasi huru-hara yang ditimbulkan. Oleh yang demikian, kajian ini akan melihat kepada transformasi dalam PGPP yang boleh memberi impak positif kepada elemen transformasi lain seperti isu konflik, konteks dalaman kepada antarabangsa, dan struktur pemerintahan. Model transformasi khususnya yang berkaitan dengan gerakan pemisah di Patani akan dibentuk berserta dengan model pembinaan hubungan dengan Kumpulan Bersenjata Bukan Kerajaan (KBBK) sebagai kerangka kepada penganalisan bagi mencapai objektif kajian. Dengan ini, penyelidikan yang dijalankan adalah untuk melihat transformasi dalam pertubuhan gerakan pemisah yang boleh menyumbang kepada perdamaian di Patani.

1.2 Latar Belakang

1.2.1 Komposisi Penduduk

Selatan Thailand berkeluasan 70 700 kilometer persegi dan mempunyai 14 wilayah⁹ bermula dari Chumporn membujur ke Narathiwat sejauh 750 kilometer. Jika dibandingkan keluasan keseluruhan wilayah di Thailand, Selatan Thailand adalah bersamaan 13.3 %.¹⁰ Pattani, Yala, Narathiwat dan Satun merupakan wilayah majoriti diduduki oleh orang Melayu Islam mempunyai keluasan 13 732 kilometer persegi dan berkedudukan garis lintang 5°35' hingga 6°55' utara.¹¹ Berdasar data yang dikeluarkan oleh *Patani Malays Human Rights Organization* (PMHRO), populasi penduduk di

⁹ Wilayah-wilayah Selatan Thailand boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu selatan atas yang terdiri daripada wilayah Chumporn dan Ranong, selatan tengah terdiri daripada Surat Thani, Nakorn Sri Thammarat, Phuket, Phangnga, Trang, Krabi dan Phatthalung. Manakala selatan bawah terdiri daripada wilayah Satun, Songkhla, Patani, Yala dan Narathiwat.

¹⁰ Makishima, M. (2008) *Toward a knowledge-Based Economy: Southern Thailand*. [Atas Talian]. [Akses: 28 April 2010]. http://www.ide.go.jp/English/Publish/Download/Asedp/pdf/066_8.pdf

¹¹ Meredith, L.W. (2004) *Subcommittee on Asia and the Pacific House International Relation Committee* [Atas Talian]. [Akses: 6 April 2005]. http://www.house.gov/international_relations/108/wei071404.htm

wilayah Patani, Narathiwat, Yala dan Satun bagi tahun 2005 seramai 2.23 juta orang. Bagi wilayah Patani, penduduknya seramai 685,000 dengan penduduk Melayu Muslim seramai 552,000 orang (81%). Wilayah Narathiwat, penduduknya seramai 754,000 dengan penduduk Melayu Muslim seramai 603,000 orang (82%). Manakala di wilayah Yala, penduduknya seramai 493,000 dengan Melayu Muslim seramai 339,000 orang (68%). Manakala wilayah Satun penduduknya seramai 303,000 orang, dengan penduduk Melayu Muslim seramai 205,000 orang (68%).¹² Secara keseluruhannya, jumlah penduduk Melayu adalah 70% berbanding bangsa Siam dan Cina.¹³

Dari segi ekonomi, tiga wilayah ini merupakan kawasan yang subur dan kaya dengan hasil buminya seperti bijih timah, gas dan minyak mentah.¹⁴ Namun begitu, tiga wilayah ini masih lagi ketinggalan dari segi pembangunan ekonomi berbanding dengan wilayah-wilayah lain akibat pergolakan politik yang berpanjangan. Penduduk di tiga wilayah ini masih lagi berada di bawah garis kemiskinan¹⁵ di mana pendapatan perkapita mereka jauh lebih rendah berbanding penduduk di wilayah-wilayah lain di seluruh negara. Pendapatan berkapital penduduk wilayah-wilayah di Selatan Thailand ialah, wilayah Chumphon RM1940.1, wilayah Ranong RM7531.9, wilayah Surat Thani RM1771.4, wilayah Krabi RM1354.8, wilayah Trang RM2528.8, wilayah Patthalung

¹² Rujukan melalui laman sesawang *Patani Malay Human Rights Organization* (PMHRO). [Atas Talian]. [Akses: 3 November 2010]. <http://www.pmhro.net/?S=Geograph>

¹³ Sholeh, B. (2007) *Minoritas Muslim dan Konflik di Selatan Thailand*. [Atas Talian]. [Akses: 28 April 2010]. <http://www.pdfqueen.com/pdf/ju/jumlah-penduduk-muslim-thailand/>

¹⁴ Lasimbang, J & Luithui, C. (2007) *Natural Resource Management Country Studies: Thailand*. [Atas Talian]. [Akses: 14 Februari 2011].

http://regionalcentrebangkok.undp.or.th/practices/governance/documents/NRM_Thailand.pdf

¹⁵ Wujud ketidakseimbangan pendapatan di antara wilayah walaupun mempunyai sumber ekonomi yang sama. Sumber ekonomi di Patani bergantung kepada kegiatan nelayan, menanam padi, tanaman buah-buahan dan berkebun getah kerana bentuk geografinya bersempadan dengan Laut China Selatan dan Laut Andaman, dan di kawasan tengahnya di penuh dengan lapangan sawah padi yang dikelilingi bukit bukau. Walaupun begitu, terdapat juga di kalangan mereka yang menceburkan diri dalam bidang komersil seperti pembuatan kraf tangan, pakaian, makanan, pengangkutan, penternakan dan peruncitan.

RM967.00, wilayah Satun RM1451.4, Songkhla RM1705.1, wilayah Patani RM928.5, wilayah Yala RM1778.3 dan wilayah Narathiwat RM1506.6.¹⁶

Dari sudut identiti dan budaya, OMIP merupakan bangsa Melayu yang beragama Islam. Kehidupan seharian mereka masih lagi berpegang kepada adat resam budaya Melayu, bertutur dalam bahasa Melayu¹⁷ serta mengamalkan syariat Islam. Corak kehidupan mereka tidak jauh berbeza dengan orang Melayu di Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei. Dari segi bahasa, bahasa yang digunakan sedikit berbeza dengan bahasa Melayu yang digunakan di Malaysia tetapi ia masih boleh difahami. Dari sudut agama, Patani menerima Islam melalui pedagang-pedagang Islam dari Pasai. Salah seorangnya ialah Syeikh Safiyy al-Din berjaya mendakwahi Raja Patani melalui peristiwa mengubat baginda yang gering akibat penyakit kusta.¹⁸ Manakala Zamberi Abdul Malek menyatakan kemasukan Islam ke istana Patani berlaku sekitar tahun 800 Masihi melalui pedagang-pedagang dari Timur Tengah.¹⁹

Begitu juga dengan budaya, sebelum kehadiran tamadun Melayu, masyarakat tempatan Patani ketika itu mengamalkan kepercayaan animisme dan seterusnya terpengaruh dengan agama dan budaya Hindu. Kebudayaan dan agama ini tidak bertahan lama apabila didatangi empayar Sri Wijaya dan Majapahit yang membawa kepada perubahan kepada tamadun Melayu. Surin Pitsuwan, Setiausaha Agong Asean ada menyatakan bahawa OMIP dari segi identiti dan budaya adalah hak kepunyaan

¹⁶ Champakiya AO, *Politik dan Perjuangan Masyarakat Islam di Selatan Thailand*, (Versi Jawi), Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, 2002, hlm. 42 – 43.

¹⁷ Dialek Melayu Patani mempunyai kesamaan dengan Malaysia, contohnya dialek wilayah Patani, Narathiwat dan Yala seakan sama dengan dialek percakapan orang negeri Kelantan dan Perak, manakala dialek Satun sama dengan dialek orang negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang

¹⁸ Syukri I, *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Selangor, 2000, hlm. 33 – 34.

¹⁹ Abd Malek Z, *Pensejarahan Patani*, Universiti Malaya. Kuala Lumpur, 2006, hlm. 20.

Melayu tetapi dari segi politik mereka menjadi sebahagian daripada negara Thailand yang berteraskan kepada agama Buddha.²⁰

1.2.2 Sejarah Umum Konflik Patani

Konflik di Patani pada awalnya bermula dengan penjajahan kerajaan Siam ke atas negeri Patani pada tahun 1786.²¹ Semenjak penaklukan tersebut, keadaan politik Patani sentiasa bergolak sehingga membawa kepada siri peperangan antara OMIP dengan kerajaan Siam sehingga ke hari ini. Pada awal abad ke-20, konflik ini turut dicampuri oleh British di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun campur tangan ini tidak mendatangkan hasil yang diharapkan oleh OMIP apabila pada tahun 1909 termeterai perjanjian Bangkok atau '*Anglo-Siamese Treaty*'²² antara kerajaan Siam dengan Kerajaan British berkaitan dengan pembahagian dan pengesahan ke atas tanah jajahan masing-masing. Setelah berakhirnya kekuasaan Raja-raja Melayu di Patani, politik Siam mengalami perubahan apabila berlaku rampasan kuasa terhadap institusi monarki oleh sekumpulan rakyat. Sistem demokrasi ini adalah berkonsepkan kepada perkongsian kuasa dengan menekankan kepada kebebasan dan peluang yang sama rata rakyat dalam pentadbiran negara. Namun, harapan OMIP untuk membela nasib dalam sistem demokrasi tidak kesampaian apabila kerajaan Thailand membentuk semangat

²⁰ Pitsuwan S, *Islam and Malay Nationalism: A Case Study of the Malay-Muslim of Southern Thailand*, Ph.D Tesis, Harvard University. USA, 1982, hlm.. 28.

²¹ Menurut Ibrahim Syukri dalam penulisannya menyatakan penjajahan berlaku apabila Raja Maha Cakri yang bernama Phra Putta Yu' Fa Chula Lok atau Rama I yang berpusat di Bangkok berjaya menakluki negeri Patani melalui siri peperangan. Sultan Muhamad selaku Sultan Patani ketika itu tidak mampu menahan serangan tentera Siam telah membawa kepada penjajahan Siam ke atas Patani sehingga hari ini.

²² Perjanjian ini termeterai pada 10 Mac 1909 bertempat di Istana raja di Bangkok. British yang diwakili oleh John Anderson, Gabenor Negeri-negeri Selat manakala Siam diwakili oleh Kluong Wan Hussain, Pembesar Siam di Betong dan pegawai-pegawainya. Perjanjian ini adalah berkisarkan kepada hak penentuan kedua-dua pihak ke atas tanah jajahan bagi Tanah Melayu. Sebelum ini kerajaan Siam telah menjajah negeri Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu, dan kerajaan Melayu Patani. Namun, selepas perjanjian tersebut, kerajaan Siam telah menyerahkan negeri Perlis, kedah, Kelantan dan Terengganu kepada British manakala British mengesahkan kekuasaan kerajaan Siam ke atas negeri Patani.

nasionalisme kesiaman yang tinggi sehingga menafikan hak kaum-kaum minoriti yang lain. Oleh yang demikian, OMIP mengalami proses asimilasi untuk menukar identiti Melayu kepada Thai. Pendekatan asimilasi ini dilaksanakan melalui kurikulum sekolah untuk menarik rakyat yang beragama lain menjadi bangsa Thai dan memeluk agama Buddha.²³ OMIP menolak dasar pendidikan ini dan merasakan budaya Melayu dan agama Islam akan hilang.²⁴

Tekanan ke atas OMIP berterusan sehinggalah mencapai kemuncaknya semasa pemerintahan Field Marshal Plaek Phibunsongkhram pada 26 Disember 1938. Beliau seorang yang terkenal dengan semangat nasionalisme yang tinggi memperkenalkan dasar *Rathaniyom* atau Adat Resam Siam.²⁵ Dasar ini secara jelas mengasimilasikan OMIP melalui kuasa paksaan dengan menggunakan pihak berkuasa untuk memantau. Oleh itu, OMIP tidak lagi dibenarkan berbahasa dan berpakaian Melayu. Manakala agama Islam dihapuskan apabila pada tahun 1944, undang-undang syariah yang melibatkan nikah cerai dan harta pusaka diganti dengan undang-undang sivil.

Reaksi OMIP terhadap dasar ini ialah menolak dan ini jelas dapat dilihat melalui peranan Haji Sulong bin Kamaruddin seorang ulama terkenal di Patani. Beliau menubuhkan persatuan yang dikenali sebagai *al-Hai'ah al-Tanfiziah li al-Ahkam al-*

²³ Al-Fatani AF, 1994, *op.cit*, hlm. 81.

²⁴ Nik Mahmud NA, 2008, *op.cit*, hlm. 17.

²⁵ Di bawah dasar ini, semua rakyat tanpa mengira kaum dan agama diwajibkan memakai pakaian potongan Eropah, bertopi, makan menggunakan sudu dan garpu serta meja sebagai tempat makan. Selain itu juga, OMIP tidak dibenarkan menggunakan nama-mana Melayu-Arab, berbahasa Melayu dan menulis dengan tulisan jawi serta mempelajari Islam. Sebuah Dewan Kebudayaan Thai atau dikenali sebagai Sepa Watana Tam telah ditubuhkan di Bangkok pada 1940, khusus untuk memajukan serta mengembangkan fahaman kebudayaan di seluruh Thai. Manakala nama negara yang dikenali sebagai Thailand sehingga ke hari ini dibentuk semasa dasar ini dijalankan pada Jun 1939. Negara Thailand sebelum ini dikenali sebagai Siam dan ditukar kepada Thailand kerana untuk menimbulkan semangat nasionalisme yang cukup tinggi. Thai bermaksud aman manakala land adalah tanah dan apabila dirangkumkan menjadi tanah yang aman.

*Shar'iyah*²⁶ atau Lembaga Pelaksana Hukum Syariah pada tahun 1939.²⁷ Usaha pertama yang dilaksanakan oleh pertubuhan ini ialah menubuhkan Majlis Agama Islam di setiap wilayah walaupun tidak dibenarkan oleh kerajaan Thailand. Haji Sulong turut mengemukakan 7 tuntutan berbentuk autonomi kepada kerajaan Thailand bagi memastikan orang Melayu tidak bangkit memberontak. Walaupun begitu, tuntutan ini tidak dilayan kerana bersalahan dengan perlembagaan negara. Perjuangan Haji Sulong tidak berjaya dan pada 12 Disember 1947, diadakan pertemuan dengan Tengku Mahmood Mohyideen²⁸ di Pantai Semut Api, Kota Bharu untuk memikirkan perancangan terbaik untuk membebaskan Patani daripada penjajahan Thai. Perbincangan yang dibuat sebulat suara menerima cadangan menggunakan pendekatan perundingan dengan kerajaan Thai bagi menyelesaikan kemelut di empat wilayah Melayu ini.²⁹ Namun, usaha ini tidak berjaya apabila pada 16 Januari 1948, Haji Sulong ditangkap atas tuduhan merancang melakukan pemberontakan. Penahanan ini membawa kepada

²⁶ Pertubuhan ini bertujuan untuk meningkat kerjasama dan menggembeng tenaga di kalangan ulama di Patani bagi menyekat ancaman kerajaan Thai yang cuba mengsiamkan orang-orang Melayu dan mencabul kesucian agama Islam.

²⁷ *No One is Safe: Insurgent Violent Against Civilians in Thailand's Southern Border Provinces*. Human Right Watch (2007) [Atas Talian]. Vol. 19, No. 13 (C). H. 14. [Akses: 13 Mei 2010].

<http://www.hrw.org/en/node/10779/section/4>

²⁸ Tengku Mahmood Mohyideen merupakan anakanda kepada Tengku Abdul Kadir Kamaruddin, raja Patani terakhir yang ditangkap pada 1902. Beliau dilahirkan pada 1905 di Patani dan mendapat pendidikan awal di Kolej Assumption, Bangkok. Beliau terpaksa mengikut ayahandanya berpindah ke Kelantan akibat pemberontakan Belukar Semak. Di Tanah Melayu beliau menyambung pelajarannya di Penang Free School dan tamat Sijil Senior Cambridge. Pada tahun 1933, setelah kematian Tengku Abdul kadir, beliau telah mengambil alih tanggungjawab ayahandanya untuk memerdekakan Patani dan sebagai pelindung kepada OMIP di selatan Thailand. Beliau juga merupakan anggota *Kelantan Volunteer Force A Company* dengan pangkat *Quarter Master Sargent* dan terlibat dalam perang menentang Jepun. Kelantan yang berjaya ditawan Jepun memaksa beliau berpindah ke Singapura bersama British dan seterusnya ke India. Di India beliau bekerja dengan siaran radio bahagian Melayu yang dikenali siaran 'Suara Harimau Malaya'. Di sini beliau menjadi penyelaras penyampai radio dengan gelaran Raja Mopeng. Penyiaran ini bertujuan meningkatkan semangat orang Melayu untuk bekerjasama dengan British menentang Jepun. Sekembalinya beliau ke Tanah Melayu, pada tahun 1944 beliau telah dilantik sebagai ketua bahagian Melayu dalam Force 136. Beliau ditugaskan menubuhkan Pasukan Gerila Melayu bagi menjalankan operasi anti Jepun dan Siam di Pantai Timur Tanah Melayu.

²⁹ Nik Mahmud NA, 2000, *op.cit*, hlm. 84 – 85.

demonstrasi hadapan pejabat Gabenor di Patani kerana Haji Sulong tidak boleh diikat jamin.

Pada 5 Mac 1948 sejeurus selepas penangkapan Haji Sulong, OMIP yang tinggal di Tanah Melayu ketika itu menubuhkan Gabungan Melayu Patani Raya atau GEMPAR.³⁰ Antara aktiviti yang dijalankan oleh GEMPAR ialah menyebarkan propaganda mengenai Patani ke seluruh Tanah Melayu dan antarabangsa. Usaha ini menampakkan kejayaan di mana sekitar tahun 1948 hingga 1949 banyak persatuan politik dan akhbar-akhbar memberi perhatian kepada pergolakan politik di Patani.

Menjelang tahun 1960an, pertubuhan-pertubuhan gerakan pemisah ditubuhkan dengan menjadi senjata sebagai wadah perjuangan. Antara gerakan yang pernah ditubuhkan ialah Barisan Nasional Perjuangan Patani (BNPP). Kemudiannya diikuti dengan penubuhan Barisan Revolusi Nasional Patani (BRN), *Pattani United Liberation Organization* (PULO), NewPULO, Barisan Bersatu Mujahidin Patani (BBMP), *United Front for the Independence of Patani* (BERSATU) dan beberapa yang lain. Perbincangan tentang pertubuhan-pertubuhan akan dipanjangkan dalam bab 4 memandangkan masih aktif dan bukan dalam kategori sejarah.

³⁰ Penubuhan GEMPAR ini secara tergesa-gesa dan tindakan spontan daripada peristiwa penangkapan Haji Sulong. GEMPAR merupakan cadangan daripada Parti Kebangsaan Melayu MALAYA atau PKMM yang ditubuhkan di Madrasah Muhammadiyah, Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan dengan dihadiri lebih 200 OMIP yang tinggal di Tanah Melayu dan orang-orang Kelantan.

1.3 Sorotan Karya

Konflik di Patani yang meletus kembali pada tahun 2004 telah menarik ramai penyelidik untuk membuat kajian dan seterusnya menghasilkan penulisan. Penulisan yang dihasilkan ini boleh dikategorikan kepada tiga bahagian utama, iaitu sejarah, perbincangan akademik dan laporan. Penulisan sejarah Patani, selain daripada A. Teeuw dan D.K Wyatt yang menghasilkan Hikayat Patani, terdapat beberapa penyelidik lain seperti Ahmad Fahty al-Fatani, Ibrahim Syukri, Mohd Zamberi A. Malek, Nik Anuar Nik Mahmud, Ahmad Omar Champakiya, Thanet Aphorsuvan dan lain-lain lagi yang masih aktif menjalankan kajian sejarah konflik di Patani. Kajian yang dijalankan kebanyakannya menumpukan kepada aspek kewujudan tamadun Patani³¹ yang menjurus kepada pembentukan budaya, identiti, politik dan ekonomi orang Melayu di Patani. Selain itu, perbincangan juga menjurus kepada asal-usul bangsa Thai dan perkembangan politiknya bagi mengaitkan dengan sejarah konflik di Patani. Kewujudan negeri Patani adalah berasal dari kerajaan Langkasuka yang dikatakan terletak di wilayah Patani pada hari ini. Menurut Ahmad Fathy menyatakan Langkasuka merupakan kerajaan Melayu klasik yang mengamalkan budaya Hindu dan dipercayai dibina antara tahun 800 hingga 100 Masihi.³² Manakala Mohd Zamberi A. Malek dalam kajiannya memperincikan struktur hubungan perdagangan ini dengan menyatakan pedagang-pedagang asing yang

³¹ Patani dalam kajian sejarah bukan merujuk kepada wilayah Patani tetapi merupakan sebuah negeri yang persempadanan luas merangkumi wilayah Patani, Yala, Narathiwat dan sebahagian daripada Songkhla yang ada pada sama kini. Negeri Patani juga merupakan sebuah negeri yang bebas dan berdaulat dan diperintah oleh kerajaan Kesultanan Melayu Patani sebelum dijajah oleh kerajaan Siam. Setelah dijajah, negeri Patani dipecahbelahkan sempadannya sehingga terbentuk wilayah-wilayah seperti yang dinyatakan. Ada sesetengah pengkaji mahupun pihak-pihak lain menggelar konflik di Selatan Thailand sebagai konflik Patani yang mana ia merujuk kepada negeri Patani dan bukan wilayah Patani yang ada sekarang.

³² Selain itu rujukan beliau kepada *Hikayat Merong Mahawangsa* yang menjelaskan Langkasuka mempunyai dua bahagian iaitu selain daripada terletak di Sungai Merbok, Kedah, dan di kawasan pantai Laut China Selatan yang ternyata di Patani

terlibat ialah negara China, Hindi, Khmer dan lain-lain.³³ Beliau turut menyatakan Langkasuka terletak di daerah Jering, wilayah Pattani. Nik Anuar pula menimbulkan persoalan tentang bagaimana Langkasuka bertukar menjadi Patani. Hal ini belum dapat dipastikan oleh para pengkaji sejarah kerana tidak ada sebarang catatan sejarah yang jelas mengenainya.³⁴

Manakala dari aspek kebudayaan, para penulis sejarah mengkaji tentang kewujudan tamadun Melayu yang dipengaruhi oleh campuran budaya Hindu, Buddha dan Islam.³⁵ Budaya Melayu pengaruh Hindu dan Buddha ini kemudiannya telah berubah setelah kemasukan agama Islam melalui pedagang-pedagang dari Pasai dan Timur Tengah.³⁶ Mohd Zamberi A. Malek menjelaskan kedatangan Islam sekitar tahun 1457 ke Patani menyebabkan berlaku proses pengubahsuaian amalan budaya Hindu dan Buddha mengikut syariat Islam.³⁷ Dari aspek politik, para pengkaji sejarah Patani banyak yang menyentuh tentang pergolakan politik yang bermula sebelum dan selepas era penjajahan kerajaan Siam ke atas Patani. Ibrahim Syukri antara lainnya turut membuktikan keagungan Patani melalui kegagalan kerajaan Siam menyerang negeri Patani sebanyak empat kali sebelum Patani tewas pada tahun 1786. Manakala Thanet Aphornsuvan dalam kajiannya membincangkan secara meluas tindakan negatif kerajaan

³³ Abd Malek Z, *Pensejarahan Patani*, Universiti Malaya. Kuala Lumpur, 2006, hlm. 28.

³⁴ Ibrahim Syukri dalam bukunya *Sejarah Kerajaan Melayu Patani* cuba menjawab persoalan ini dengan menyatakan bahawa pada abad ke-9, kerajaan Langkasuka menerima kedatangan orang Lao yang dikenali sebagai orang Siam Asli setelah berlakunya penaklukan Tanah Siam oleh orang Thai dari China. Kedatangan orang Siam Asli ke Tanah Melayu telah membina penempatan dan akhirnya menguasai seluruh kerajaan-kerajaan kecil di Tanah Melayu termasuk Langkasuka. Penaklukan ini telah memberi peluang orang Siam Asli membuka kerajaan-kerajaan kecil seperti Gelanggayu, Gangga Negara, Pahang, Kota Mahligai dan lain-lain lagi.

³⁵ Ahmad Fathy dalam kajiannya menyatakan terbentuk budaya Melayu adalah melalui dua proses iaitu melalui penaklukan dan perdagangan. Dari segi penaklukan, kerajaan Seri Wijaya berjaya menakluki Nakorn Sri Thamrat pada tahun 775 Masihi dan seterusnya mengembangkan budaya Buddha sehingga ke kawasan selatan termasuk Patani

³⁶ Berlaku pengubah suai terhadap budaya dan amalan orang Melayu Patani mengikut panduan hukum-hukum Islam. Ciri-ciri keislaman yang diamalkan ini kekal sehingga ke hari ini.

³⁷ Abd Malek Z, *Patani Dalam Tamadun Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur, 1994, hlm. 28.

Siam di Patani setelah berjaya menaklukinya sehingga menimbulkan ketidakpuasan hati OMIP. Di samping itu, peristiwa revolusi 1932³⁸ membawa kesan lebih buruk apabila kerajaan Thailand melaksanakan dasar asimilasi budaya dan identiti ke atas kelompok minoriti di seluruh Thailand termasuk OMIP. Beliau juga membincangkan tentang kejayaan OMIP mempertahankan agama Islam, antaranya pelantikan Syaikhul Islam atau Chularajamontri yang berperanan menjadi penasihat kepada Perdana Menteri. Di akhir penulisan, beliau turut membincangkan tentang penubuhan GEMPAR yang mendapat sokongan luar tetapi masih belum mampu untuk mengubah fikiran kerajaan Thailand bagi membebaskan Patani.³⁹

Penulisan akademik seperti Surit Pitsuwan melalui tesis yang dihasilkan melihat peranan undang-undang Islam sebagai panduan untuk OMIP mempertahankan identiti dan budaya mereka ketika berhadapan dengan dasar-dasar kerajaan Thailand yang bersifat menekan. Dasar-dasar yang menekan ini berakhir dengan konflik apabila OMIP mengambil keputusan untuk memberontak menuntut kemerdekaan.⁴⁰ Beliau mendapati bahawa budaya dan identiti OMIP sejak dari awal lagi telah disisihkan daripada haluan utama pembentukan negara Thai. S.P. Harish dalam kajiannya juga cuba mengembangkan peranan agama Islam yang dikatakan menjadi punca⁴¹ kepada

³⁸ Rampasan kuasa terhadap kuasa autokratik (Raja Siam) dan ditukar kepada pemerintahan demokrasi.

³⁹ Aphornsuvan, T. (2003) *History and Politics of the Muslims in Thailand*. [Atas Talian]. [Akses: 28 April 2010]. <http://www.einaudi.cornell.edu/southeastasia/outreach/resources/MuslimThailand.pdf>

⁴⁰ Pitsuwan S, 1982, *op.cit*, hlm. XIII.

⁴¹ Kesimpulan kajian, iaitu kerajaan Thailand berusaha menghapuskan elemen-elemen yang mengekalkan penduduk di Selatan Thailand sebagai orang Melayu-Muslim. Kedua, kelemahan sokongan daripada Malaysia kepada gerakan pemisah dalam memperjuangkan bangsa dan budaya Melayu. Ketiga, limpahan pelajar di Selatan Thailand yang menyambung pelajaran ke Timur Tengah dan memperkuat identiti agama Islam di kalangan generasi baru. Keempat, keadaan selepas 11 September yang mana kebimbangan terhadap ancaman pengganas yang menyerap masuk ke konflik di Selatan Thailand sedikit sebanyak mengubah prinsip agama.

pergolakan antara OMIP dengan Thai.⁴² Imtiyaz Yusuf memperakui tentang peranan Islam⁴³ yang menjadi panduan dan pegangan OMIP mempertahankan identiti dan budaya mereka daripada di asimilasi.⁴⁴ Manakala Jeff Upward mengaitkan proses asimilasi ini dengan pemberontakan OMIP⁴⁵ dan menafikan tulisan-tulisan yang mengaitkan keganasan dipengaruhi oleh gerakan-gerakan pengganas global seperti al-Qaeda dan Jemaah Islamiah (JI).⁴⁶ Pandangan ini turut disokong oleh Joseph Liow apabila menyatakan keganasan merupakan punca utama di Patani apabila OMIP bangkit untuk membalas dendam. Beliau menegaskan unsur-unsur pengganas global di Selatan Thailand tidak wujud kerana gerakan pemisah tidak menjemput dunia Muslim lain untuk berjihad, kepentingan Barat di Thailand tidak diserang dan pejuang tidak menggunakan serangan bom berani mati.⁴⁷ Ian Storey dalam kajian turut membincangkan punca masalah, peranan gerakan pemisah dari segi kedudukan, matlamat dan strategi, pendekatan kerajaan Thailand dan kesan kepada Amerika Syarikat. Antara punca-

⁴² Harish, S.P. (2006). *Ethnic or Religious Cleavage? Investigating the Nature of the Conflict in Southern Thailand*. Contemporary Southeast Asia. Singapore. [Atas Talian]. Vol.28, Iss. 1; pg. 48, 22 pgs. [Akses 2 November 2006].

<http://proquest.com/pqdweb?did=1075504961&sid=1&Fmt=3&clientId=27905&RQT=309&VName=PQD>

⁴³ Kajian merumuskan bahawa konflik di Selatan Thailand berlaku melibatkan pertembungan dua etnik yang mengamalkan identiti dan budaya yang berbeza iaitu Thai-Buddha dan Melayu-Islam dalam proses pembentukan sebuah negara moden. Keluasan pengamalan Islam di Patani menyukarkan kerajaan Thailand berbincang untuk menamatkan konflik kecuali persetujuan kerajaan Thailand untuk mengesahkan bangsa, bahasa dan budaya identiti Melayu-Islam di Selatan Thailand dan menimbang bataan-bataan politik diajukan secara adil.

⁴⁴ Yusuf I, (2007) *Faces of Islam in Southern Thailand*. [Atas Talian]. [Akses: 30 November 2010]. <http://www.eastwestcenter.org/fileadmin/stored/pdfs/EWCWwp007.pdf>

⁴⁵ Beliau membincangkan tentang dasar asimilasi yang berterusan tetapi memberi kesan yang sedikit terhadap bahasa, budaya dan agama OMIP di Selatan Thailand. Kajian yang dijalankan melihat kepada punca utama konflik yang bermula dari awal sehinggalah yang terkini. Puncanya adalah dasar kerajaan Thailand yang berlawanan dengan keperluan OMIP sehingga membawa kepada peningkatan konflik.

⁴⁶ Upward, J. (2006) *Insurgency in Southern Thailand: the Cause of Conflict and the Preception of Threat*. [Atas Talian]. [Akses: 30 November 2010].

<http://www.ballarat.edu.au/ard/bssh/school/capstone/Jeff%20Upward.pdf>

⁴⁷ Liow, C.J. (2006) *International Jihad and Muslim Radicalism in Thailand? Toward and Alternative Interpretation*. Asia Policy, No. 2. [Atas Talian]. [Akses: 30 November 2010].

http://www.nbr.org/publications/asia_policy/Preview/AP2_Thailand_preview.pdf

punca⁴⁸ yang dibincangkan ialah sejarah penaklukan, integrasi dan asimilasi etnik, diskriminasi ekonomi, kelemahan pentadbiran tempatan dan keluhan politik.⁴⁹ Di akhir penulisan, beliau turut membincangkan kesan konflik terhadap Amerika Syarikat.⁵⁰

Penulisan berbentuk laporan memaparkan sumber-sumber *International Crisis Group*⁵¹ yang menghasilkan laporan tragedi Tak Bai pada 24 Oktober 2004.⁵² Begitu juga dengan *National Reconciliation Commission (NRC)*⁵³ yang ditubuhkan oleh kerajaan Thailand untuk menyiasat punca konflik dan mengutarakan cadangan penyelesaian. Laporan yang dikeluarkan menyentuh tentang insiden-insiden yang berlaku serta mendiagnosis punca masalah dalam usaha memahami kejadian keganasan di Patani. Di akhir laporan turut disenaraikan beberapa cadangan penyelesaian berdasarkan tiga peringkat utama, iaitu jangka pendek⁵⁴, jangka panjang⁵⁵ dan kaedah

⁴⁸ Punca-punca konflik ini telah berjaya diatasi oleh kerajaan Thailand sekitar tahun 1980an melalui dasar yang diperkenalkan oleh General Tinasulanonde. Namun, ia muncul kembali dengan isu yang sama yang mana OMIP masih merasakan bangsa, budaya dan agama identiti mereka diancam dengan pembentukan negara banga yang berkonsepkan Thai-Buddha.

⁴⁹ Storey, I. (2007) *Ethnic in Southern Thailand: Kingdom Fraying at the Edge*. [Atas Talian]. [Akses: 30 November 2010].
<http://www.apcss.org/Publications/APSSS/Ethnic%20Separatism%20in%20Southern%20Thailand.Storey.pdf>

⁵⁰ Atas dasar prihatin terhadap kestabilan Thailand dan hubungan dengan negara jiran, Amerika Syarikat menawarkan khidmat ketenteraan untuk bertapak di Thailand atas alasan memerangi pengganas yang diilhamkan selepas 11 September 2001. Sebagai alasan, Amerika Syarikat berperanan membawa mesej Deklarasi Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang mengutamakan hak asasi manusia. Amerika Syarikat pernah menyatakan kebimbangan terhadap aktiviti gerakan pemisah dan pendekatan Thaksin yang jelas melanggar hak asasi manusia. Walau bagaimanapun, Amerika Syarikat mengakui bahawa gerakan pemisah di Selatan Thailand tidak mempunyai hubungan dengan kumpulan pengganas global.

⁵¹ *Southern Thailand: Insurgency, Not Jihad* (2005) [Atas Talian]. [Akses: 1 Julai 2006].
<http://www.crisisgroup.org/en/regions/asia/south-east-asia/thailand/098-southern-thailand-insurgency-not-jihad.aspx>

⁵² Laporan ini turut membincangkan tentang perbezaan sejarah antara Siam dan Melayu, dasar-dasar asimilasi ke atas orang Melayu, melihat kepada harapan orang Melayu untuk mencapai kemerdekaan serta menyentuh tentang tragedi-tragedi pemberontakan terdahulu. Selain itu disenaraikan kumpulan gerakan pemisah yang disyaki aktif pada masa kini. Tujuan utama penulisan ini adalah untuk melaporkan kejadian tragedi Tak Bai, Masjid Kerisik dan kaedah yang digunakan oleh kerajaan dalam menangani konflik yang timbul.

⁵³ Report of the National Reconciliation Commission (NRC). *Overcoming Violence Through the Power of Reconciliation* (2006). Unofficial Translation. Printing Division of Secretariat of the Cabinet Samsen Rd., Bangkok 10300.

⁵⁴ Bagi jangka pendek, antaranya penubuhan unit keamanan yang tidak melibatkan senjata dalam menguruskan pertelingkahan. Kedua, berdialog dengan kumpulan yang melakukan pergolakan agar dapat

politik kedamaian. Manakala pertubuhan *Human Rights Watch* dalam laporannya yang memaparkan aktiviti-aktiviti keganasan yang dijalankan oleh gerakan pemisah.⁵⁶ Selain itu juga, turut dibincangkan kegagalan pendekatan kekerasan kerajaan Thailand khusus di bawah pemerintahan Thaksin Shinawatra yang mengawal konflik.

1.4 Kerangka Teoretikal I : Transformasi Sebagai Penyelesaian Konflik

1.4.1 Faktor-faktor kepada Pembentukan Transformasi Konflik

Transformasi pada asasnya merupakan usaha untuk menamatkan sesuatu konflik melalui proses penyelesaian konflik dan kemudiannya membentuk keadaan yang diinginkan oleh semua pihak. Bagi menimbulkan keadaan yang diinginkan ini memerlukan penganalisan dan tumpuan terhadap perhubungan secara keseluruhan yang wujud dalam konflik. Oleh itu, pendekatan Transformasi bukan sahaja melihat kepada perhubungan di antara pihak-pihak yang berkonflik, tetapi juga merangkumi hubungan dengan pihak luar yang mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi situasi konflik. Lantaran itu, pendekatan transformasi konflik menjadikan *Episode* dan *Epicenter*⁵⁷ sebagai elemen utama untuk ditransformasikan bagi mencapai penyelesaian konflik. *Episode* dan *Epicenter* boleh dikatakan elemen yang boleh mentransformasikan hubungan yang berkonflik kepada hubungan yang konstruktif. Melalui *Episode* dan

bertukar-tukar fikiran tentang berbezaan ideologi. Ketiga, pegawai kerajaan mesti memahami ciri-ciri utama tempatan yang melibatkan agama, budaya, bahasa dan cara hidup.


⁵⁵ Perancangan jangka panjang melibatkan usaha mengubah struktur yang sedia ada di mana membawa kepada penindasan dan kekejaman. Manakala pendekatan penyelesaian politik adalah mewujudkan akta damai dalam tiga wilayah yang bergolak.

⁵⁶ *No One is Safe: Insurgent Violence Against Civilians in Thailand's Southern Border Provinces.* (2007). Volume 19, No. 13. [Atas Talian]. [Akses: 2 Disember 2010].
<http://www.hrw.org/en/reports/2007/08/27/no-one-safe-0>

⁵⁷ Episod merujuk kepada peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam masyarakat yang berkonflik mengikut had masa tertentu. Contoh, sesuatu kejadian pengeboman atau pembunuhan yang menarik perhatian ramai akan menjadi satu *episode* dalam konflik tersebut yang mungkin berlaku dalam tahun tersebut. Manakala *Epicenter* merujuk kepada faktor-faktor yang menimbulkan peristiwa atau insiden dalam sesuatu konflik. Ia boleh dikatakan sebagai nadi kepada kewujudan episod-episod dalam konflik.

Epicenter ini akan menghasilkan peluang-peluang positif yang boleh digunakan ke arah perubahan konstruktif. Oleh itu, pendekatan transformasi konflik ini bertindak balas dengan simptom-simptom konflik yang mungkin timbul dan sistem yang sedia ada dalam perhubungan. Gambaran transformasi dan kaitan dengan perhubungan manusia boleh diperjelaskan berdasarkan gambar rajah di bawah:

Rajah 1.1: Gambaran Proses Transformasi dan Perhubungan⁵⁸



Sumber: John Paul Lederach, 2003

Gambar rajah di atas merupakan proses transformasi yang digunakan dalam masyarakat yang berkonflik sehingga membentuk suasana yang aman, maju dan teratur. Terdapat 3 *Inquiry* yang saling berkaitan antara satu sama lain. *Inquiry 1* melibatkan elemen isu, jenis-jenis dan sejarah yang saling melengkapi dalam perhubungan konflik. Isu-isu konflik selalunya akan wujud dalam jenis-jenis hubungan yang lemah. Terdapat

⁵⁸ Lederach JP, 2003, *op.cit*, hlm. 34 - 39.

jenis-jenis hubungan yang mungkin tidak seimbang disebabkan oleh struktur atau budaya yang menekan atau menindas dan menghasilkan keganasan. Manakala isu dan jenis perhubungan ini berada di dalam lingkungan sejarah kehidupan. Elemen sejarah ini merujuk kepada perjalanan atau kedinamikan sesebuah masyarakat. Masyarakat dinamik akan wujud apabila manusia saling berinteraksi dan membentuk jenis-jenis hubungan yang mungkin membawa kepada isu-isu konflik sekiranya perhubungan tersebut tidak seimbang. Tambahan pula jenis hubungan yang terbentuk melibatkan interaksi dengan pihak lain pastinya akan mempunyai isu-isu tersembunyi akibat perbezaan kelompok. Isu-isu ini sekiranya tidak diuruskan dengan baik akan menghasilkan konflik. Oleh itu, pendekatan transformasi membawa perubahan positif dalam perkembangan isu-isu tersebut bermula dari keadaannya yang tersembunyi sehinggalah timbul di permukaan menjadi konflik. Isu-isu konflik yang timbul pada masa sekarang pastinya mengingatkan kita kepada pengalaman yang lampau dan ini memberi pengajaran dan panduan untuk membuat perubahan yang membina. Selain itu, terdapat juga isu-isu yang timbul tidak melibatkan aktor-aktor, dan ini mudah ditransformasikan menjadi positif. Dengan ini, setiap perubahan yang membina bergantung kepada keupayaan kita untuk mengenalpasti, memahami dan memulihkan apa yang berlaku. Perubahan positif memerlukan niat yang baik untuk menghasilkan pendekatan baru dalam proses interaksi, pembinaan hubungan dan struktur yang melihat ke depan. Proses ini boleh digambarkan sebagai usaha untuk manusia berlawan dengan kemunculan isu-isu dan kekuatannya dalam menghasilkan perubahan yang membina. Perlawanan manusia dengan isu-isu ini akan menghasilkan episod-episod konflik yang mempunyai perkaitan dengan peristiwa-peristiwa yang lepas. Apabila isu-isu ini bertindak balas dengan jenis perhubungan dan sejarah kehidupan, maka akan membawa

kepada *epicenter*. *Epicenter* ini sentiasa berkeupayaan membentuk episod konflik baru sama ada sifat dan isunya sama dan berbeza sebelumnya. Pendekatan transformasi melihat kepada *epicenter* dan episod ini dalam membentuk perubahan yang membina.

Inquiry 2 merujuk kepada andaian yang mungkin akan berlaku pada masa depan setelah episod dan *epicenter* sesebuah masyarakat melalui proses transformasi. *Inquiry* ini bukan sesuatu yang konkrit atau boleh disentuh, ia cuma boleh digambarkan untuk dijadikan orientasi dalam menjalankan transformasi yang konstruktif. Tiga perkara yang boleh diandaikan terbentuk pada masa depan iaitu mengatasi permasalahan yang wujud dalam *inquiry 1*. Sejarah yang lampau apabila mengalami transformasi yang konstruktif akan membentuk sistem yang baik dan ini akan menghasilkan struktur dan budaya yang aman. Struktur dan budaya kehidupan yang positif akan dapat menyelesaikan isu-isu yang timbul dalam jenis-jenis hubungan yang tidak seimbang dalam masyarakat. Antaranya penyelesaian konflik itu sendiri sama ada masyarakat yang mengalami transformasi boleh menyelesaikan isu-isu yang wujud di permukaan dalam konflik.

Inquiry 3 merujuk kepada proses utama dalam transformasi dan merupakan sokongan kepada proses penstrukturan kembali reka bentuk perhubungan masyarakat. Elemen-elemen yang terdapat di dalam bulatan ini bertindak balas dengan konflik untuk mentransformasikan kebergantungan dan keperluan manusia dalam jaringan perhubungan mereka dan sekali gus bertindak mengubah elemen-elemen konflik seperti personal, perhubungan, budaya dan struktur. Transformasi yang dilakukan merangkumi kesemua perkara yang kepelbagaian fungsi dan saling bergantung dalam masyarakat. Kepelbagaian fungsi dan peranan setiap perkara walaupun berbeza tetapi mempunyai matlamat yang sama. Sesuatu kepentingan dan keperluan sesebuah masyarakat boleh dicapai melalui pelbagai kaedah. Oleh yang demikian, pendekatan transformasi

bertindak balas dengan kaedah-kaedah ini yang wujud dalam pelbagai jenis dalam pelbagai peringkat masyarakat untuk membawa ke arah perubahan yang membina. Kaedah-kaedah ini terkandung dalam episod dan *epicenter* yang berlaku dalam pelbagai jenis dan konteks. Justeru, pendekatan transformasi cuba mengkonsepkan kembali elemen-elemen ini dengan cara menyelesaikan permasalahan yang timbul di samping meneruskan proses perubahan terhadap hubungan-hubungan dan struktur-struktur yang wujud dalam masyarakat. Oleh sebab itu, rangka kerja transformasi dipecahkan kepada 3 peringkat iaitu situasi terkini, masa depan dan proses perubahan yang bertindak menghubungkan antara situasi terkini dengan masa depan. Pergerakan situasi terkini kepada gambaran masa depan yang diharapkan melalui jalan-jalan yang berliku. Keadaan ini memerlukan dua kerja dalam satu masa iaitu selain menyelesaikan isu-isu konflik yang timbul, transformasi juga memerlukan usaha dan inisiatif yang sentiasa dinamik dan strategi yang berpanjangan bagi menghasilkan perubahan. Justeru itu, pendekatan transformasi perlu mencapai penyelesaian konflik dan dalam masa yang sama ingin mengubah masyarakat yang melibatkan elemen-elemen seperti hubungan, struktur, budaya, personal dan lain-lain lagi.

1.4.2 Lima Pemboleh Ubah Transformasi Konflik

Terdapat 5 pemboleh ubah dalam struktur hubungan yang berkonflik yang boleh ditransformasikan untuk menghasilkan penstrukturan semula. Miall menetapkan 5 pemboleh ubah ini terdiri daripada konteks, struktur, aktor, isu dan personal atau kumpulan.

Secara umumnya konteks merupakan persekitaran yang wujud ketika perbualan, percakapan dan tindakan berlaku. Ia menjadi ruang bagi menimbulkan kefahaman dan

tindakan. *Contextualization* pula boleh dikaitkan dengan transformasi apabila ia melibatkan usaha menyelidik konteks dan melihat kepada pergerakan konteks berubah mengikut pemikiran yang berdasarkan kepercayaan, keutamaan, penegasan dan pendekatan terhadap memajukan usaha atau tindakan.⁵⁹ Keadaan ini secara tidak langsung akan menimbulkan identiti baru dalam sejarah yang mana berlakunya usaha menyesuaikan sesuatu yang baru dalam konteks sejarah.⁶⁰ Justeru, transformasi konteks merujuk kepada perubahan dalam konteks konflik yang mana kemungkinan berlaku perubahan persepsi dan motivasi aktor-aktor konflik terhadap situasi konflik.⁶¹ Aktor-aktor konflik mengubahsuai persepsi dan motivasi terhadap konflik mereka dan ini akan menyebabkan persekitaran konflik berubah sekali gus membuka peluang untuk menyusun kembali corak perhubungan di antara kedua belah pihak.⁶²

Manakala di peringkat antarabangsa, konflik yang berlaku di peringkat tempatan akan terpengaruh dengan perubahan sistem yang berlaku di peringkat dunia.⁶³ Disebabkan kebergantungan ekonomi dan politik negara-negara yang lemah

⁵⁹ Berdasarkan aspek konflik, Hugh Miall menegaskan bahawa konteks merangkumi masyarakat yang berkonflik di peringkat tempatan dan antarabangsa. Di peringkat tempatan, ia merangkumi aspek-aspek penting yang menjadi latar belakang konflik seperti budaya, penyusunan pentadbiran tempatan, institusi-institusi, undang-undang, norma dan aturan serta simbol-simbol dalam masyarakat yang menjadi elemen-elemen perkembangan dan pembangunan masyarakat.

⁶⁰ Sugden C, *Gospel, Culture and Transformation: A Reprint with a New Introduction of Part Two of Seeking the Asean Face to Jesus*, Regnum Books International. United Kingdom, 1997, hlm. 3.

⁶¹ Sebagai contoh, ketua sesebuah gerakan pemisah mengubah persepsi mereka dan berpendapat bahawa konflik bersenjata yang dilalui selama ini mengakibatkan kelompok mereka semakin ketinggalan dari segi pendidikan dan ekonomi setelah diabaikan oleh pihak kerajaan. Oleh itu, motivasi ke arah perjuangan bersenjata akan berkurang dan ini memberi peluang kepada proses transformasi untuk menyusun kembali corak perjuangan mengikut arah yang membina dan positif.

⁶² Vayrynen R, *New Direction in Conflict Theory: Conflict Resolution and Conflict Transformation*, SAGE Publication Ltd. London, 1991, hlm. 5.

⁶³ Perubahan sistem ini merangkumi polisi ekonomi dan politik sesebuah negara kuasa besar dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), *European Union* (EU), *Organisation of The Islamic Conference* (OIC), *North Atlantic Treaty Organization* (NATO) dan lain-lain lagi.

menyebabkan timbulnya konflik dalaman negara.⁶⁴ Justeru, penguasaan ekonomi negara maju ke atas negara membangun boleh membawa kepada krisis dalaman negara tersebut. Penguasaan ekonomi ini turut mempengaruhi kematangan politik sesebuah negara yang membangun dan selalunya kerajaan yang dibentuk akan rapuh kerana mengikut acuan negara luar.⁶⁵ Menurut Vayrynen, konteks konflik yang wujud di peringkat tempatan juga boleh ditransformasikan bagi mencari penyelesaian sama ada jangka masa pendek mahupun jangka panjang. Antaranya konflik di peringkat tempatan ditransformasikan ke peringkat antarabangsa⁶⁶ dan ini secara tidak langsung akan mengubah dan mempengaruhi persepsi dan motivasi setiap aktor-aktor konflik serta membuka ruang-ruang untuk proses penyelesaian konflik.⁶⁷

Manakala transformasi struktur pula merujuk kepada perubahan terhadap struktur konflik seperti aktor-aktor, isu-isu, kedudukan, kepentingan, perhubungan, nilai-

⁶⁴ Keadaan ini terjadi apabila negara-negara maju membuat pelaburan perdagangan dan teknologi di negara-negara lemah dan akhir menguasai ekonomi negara tersebut. Kesannya bukan hanya kepada negara yang terlibat tetapi turut menjangkau negara-negara jiran yang mempunyai hubungan perdagangan.

⁶⁵ Miall, H. (2001) *Conflict Transformation: A Multy-Dimensional Task*. [Atas Talian].[Akses: 28 November 2009]. http://www.inglewhite.net/pfp/pdfpapers/p2-miall_handbook.pdf. H. 76.

⁶⁶ Selalunya konflik yang diangkat ke peringkat antarabangsa akan mendapat perhatian negara-negara dan kemungkinan wujud elemen membantu di kalangan negara-negara luar dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa untuk membantu menyelesaikan konflik yang dihadapi. Elemen-elemen bantuan ini mungkin terdiri daripada kemahiran, arbitrase, kewangan, perundangan, moral dan lain-lain lagi. Selain daripada bentuk bantuan, pihak-pihak luar juga secara tidak langsung berperanan memberi tekanan kepada kerajaan negara yang mengalami konflik. Selalunya keadaan ini berlaku kepada konflik-konflik dalaman sesebuah negara dan hubungannya berbentuk asimetrik. Penekanan berlaku apabila pihak antarabangsa mulai memerhati tingkah laku kerajaan yang mengurus konflik dalaman mereka. Justeru, tindakan mereka terbatas dan perlu mengawal diri agar tidak melakukan penindasan atau kezaliman yang membawa kepada pencabulan hak asasi manusia. Tindakan melanggar hak asasi manusia ini boleh mengundang ancaman daripada pihak luar seperti memutuskan hubungan diplomatik sekali gus merosakkan pergantungan ekonomi. Selain itu, negara-negara yang berjiran dengan wilayah konflik akan merasai tempiasnya khususnya dalam perhubungan ekonomi, sosial, keselamatan dan politik. Oleh yang demikian, negara-negara jiran akan bertindak untuk mengatasi permasalahan yang timbul akibat tempias tersebut melalui bantuan dan kerjasama menyelesaikan konflik yang berlaku. Di samping itu juga, negara-negara luar melalui persatuan antarabangsa yang disertai akan dapat menekan dan mendorong kerajaan negara terbabit memberi komitmen terhadap penyelesaian konflik yang dihadapi. Vayrynen berpendapat konflik yang tidak mengalami perubahan dari segi konteks akan semakin kritikal kerana ruang untuk konflik itu mengalami transformasi tidak wujud.

⁶⁷ *Ibid*, hlm. 78.

nilai, keperluan dan pertindihan matlamat dalam perhubungan dua atau lebih pihak.⁶⁸ Selain itu ia turut melibatkan struktur sosial seperti ekonomi, politik, pendidikan, persempadanan geografi, mahkamah, jaringan komunikasi, kaedah membuat keputusan dan lain-lain lagi. Jika punca-punca konflik ini melibatkan elemen-elemen yang dinyatakan di atas, maka transformasi struktur dilihat sesuai sebagai pendekatan penyelesaiannya. Dalam perkataan lebih mudah, elemen-elemen yang terdapat dalam struktur konflik ini apabila diubah akan memberi ruang bagi mempermudah proses penyelesaian konflik.⁶⁹


Manakala Adam Curle dan Lederach sepertimana di muka surat sebelah melakarkan ilustrasi proses transformasi yang berlaku terhadap konflik berbentuk asimetrik mencapai penyelesaian.⁷⁰

⁶⁸ Botes MJ, Structural Transformation, dlm. *Conflict* (Suntingan Cheldelin, S. , Druckman, D. dan Fast, L.) The Tower Building. London, 2003, hlm. 269.

⁶⁹ Miall telah menggariskan tiga perkara yang perlu dilakukan sekiranya untuk mentransformasikan struktur konflik, iaitu mengubah struktur kuasa, mengubah peluang keganasan dan mengubah hubungan asimetrik kepada simetri. Bagi mengubah perhubungan dalam bentuk asimetrik kepada simetri, terdapat beberapa proses yang perlu dilalui. Beliau juga menegaskan bahawa konflik yang berbentuk asimetrik sukar ditransformasikan kerana ia melibatkan ketidakseimbangan kuasa di peringkat akar konflik. Namun, ia boleh dilakukan secara beransur-ansur mengikut perubahan persekitaran yang mungkin boleh dibantu oleh aktor-aktor dalam dan luar wilayah konflik. Beliau mengemukakan cadangan ini berdasarkan kajian kes di Benua Afrika dengan mengemukakan contoh pergerakan *Steve Biko's 'Black Consciousness'* bertujuan meningkatkan kesedaran penduduk tempatan di bandar-bandar tentang penindasan kulit putih ke atas kulit hitam. Begitu juga dengan pergerakan anti *Apartheid* yang mana berjaya menekan pelabur-pelabur dari luar keluar dari Afrika Selatan sebelum tamatnya rejim *Apartheid*. Walaupun begitu, banyak demonstrasi dilakukan untuk menekan pihak kerajaan kulit putih tetapi tidak berjaya kerana kekuasaan dan kepentingan ekonomi dimiliki oleh orang kulit putih.

⁷⁰ Miall H, Ramsbothan O, dan Woodhouse T, *Contemporary Conflict Resolution: The Prevention, management and transformation of deadly conflict*, Polity Press. Cambridge, 1999, hlm. 13.

Rajah 1.2: Transformasi Konflik Asimetrik⁷¹



Sumber: Adam Curle, 1971 and John Paul Lederach, 1995⁷²

Merujuk kepada ilustrasi ini, terdapat beberapa peringkat yang perlu dilalui oleh pihak-pihak yang berkonflik untuk mencapai perdamaian sepenuhnya. Sebelum itu, peranan pihak ketiga diperlukan untuk memastikan transformasi struktur ini dapat digerakkan serta mengelak daripada jumlah korban yang besar.

⁷¹ Ilustrasi menunjukkan pergerakan atau transformasi keadaan yang tidak aman dan kuasa yang tidak seimbang ke arah perdamaian yang bersifat dinamik. Transformasi ini berlaku dalam konflik yang jelas atau di permukaan apabila wujudnya kesedaran kelompok minoriti di mana kuasa yang tidak seimbang membawa ketidakadilan kepada mereka. Jika dilihat pada ilustrasi, kesedaran ini wujud dalam peringkat pertama di mana pendidikan yang di peroleh akan menggerakkan hati untuk berkehendak melawan ketidakadilan tersebut. Seterusnya ia akan bergerak ke peringkat kedua iaitu kelompok minoriti ini akan bersatu dan menggabungkan semua aktiviti-aktiviti yang ada untuk berhadapan dengan kelompok majoriti. Selalunya di peringkat ini melibatkan peristiwa-peristiwa yang dramatik di mana banyak nyawa akan terkorban dan kemusnahan harta benda. Oleh itu, peranan pihak ketiga dilihat lebih ketara di peringkat ini apabila mereka masuk untuk membantu golongan minoriti bagi meningkatkan kuasa dan keupayaan mereka ketika berhadapan dengan kerajaan memerintah. Di peringkat ini juga dilihat wujudnya aktiviti-aktiviti 'Peacebuilding' yang mana bertujuan untuk meningkatkan kuasa kelompok minoriti supaya sama taraf dengan pihak kerajaan. Kuasa yang sama taraf ini akan memaksa atau mendesak pihak kerajaan membuka ruang untuk berunding. Seterusnya transformasi akan menuju ke peringkat empat yang mana hasil daripada negosiasi tersebut akan dilaksanakan. Perkara-perkara yang dipersetujui bersama akan dibangunkan dalam keamanan sepenuhnya.

⁷² Ilustrasi ini dilakarkan oleh Adam Curle pada tahun 1971 dan kemudiannya diperkemas oleh John Paul Lederach pada tahun 1995. Kini, model ini telah dimasukkan dalam buku *Contemporary Conflict Resolution: The Prevention, management and transformation of deadly conflict* tulisan Miall, Ramsbotham and Woodhouse.

Transformasi aktor merujuk kepada perubahan yang berlaku kepada aktor-aktor konflik di peringkat pemimpin dan pertubuhan. Selalunya setiap pemimpin tidak kekal lama dalam pertubuhan dan banyak konflik senang diselesaikan apabila berlaku pertukaran pemimpin. Pertukaran ini akan melahirkan pemimpin baru yang mungkin mempunyai persepsi dan sikap yang berbeza dan akan membawa pendekatan baru dalam mengatur kembali saluran komunikasi, peraturan, mengubahsui matlamat dan mengubah perspektif terhadap perjuangan radikal.⁷³ Selain itu, setiap pertubuhan gerakan pemisah mempunyai fraksi-fraksi dan setiap satunya mempunyai peranannya yang tersendiri. Kemungkinan ada yang suka kepada pendekatan lembut kerana tidak semua yang suka berjuang secara kekerasan. Oleh sebab itu timbulnya individu-individu yang keluar dan membentuk kumpulan baru atau *splinter group*.⁷⁴

Menurut Kamarulzaman Askandar⁷⁵, transformasi aktor bukan hanya merujuk kepada aktor-aktor yang berkonflik sahaja seperti pertubuhan gerakan pemisah mahupun

⁷³ Selalunya pemimpin senior dalam pertubuhan gerakan pemisah sukar diubah pendirian mereka kerana sudah tegar dengan perjuangan radikal, tetapi kemungkinan pemimpin yang bakal menggantikannya mempunyai pendekatan yang berbeza. Oleh yang demikian, transformasi aktor menumpukan kepada pemimpin-pemimpin baru dengan mendedahkan pendekatan-pendekatan yang lebih aman dengan harapan dapat mengubah hati, persepsi dan sikap yang mereka kepada pro-perdamaian. Perubahan yang berlaku di kalangan pemimpin turut mempengaruhi matlamat, perlembagaan, tindakan, perhubungan dan anggota pertubuhan. Hal ini kerana pemimpin yang pro-perdamaian akan mengubah struktur pertubuhannya mengikut persepsinya yang menggunakan pendekatan yang aman dan positif. Oleh itu, pendekatan transformasi aktor ini perlu memahami struktur organisasi pertubuhan terlebih dahulu supaya dapat mengenalpasti golongan-golongan yang menerima saluran lembut.

⁷⁴ Selalunya mereka yang keluar ini merupakan di kalangan yang tidak berpuas hati terhadap keputusan dan persetujuan yang dibuat semasa rundingan dengan kerajaan. *Splinter group* ini selalunya mempunyai ideologi, strategi, matlamat dan lain-lain lagi berbeza dengan pertubuhan asal. Golongan ini menjadi peluang kepada pendekatan transformasi untuk mengenalpasti persepsi dan sikap mereka terhadap konflik dan berkemungkinan boleh dipengaruhi dengan pendekatan yang lembut dan aman.

⁷⁵ Dr. Kamarulzaman Askandar merupakan Profesor dalam bidang konflik dan perdamaian di Universiti Sains Malaysia (USM). Beliau merupakan Penyelaras Unit Penyelidikan dan Pendidikan Untuk Perdamaian di USM dan juga *Regional Coordinator* bagi *Southeast Asia Conflict Studies Network* (SEACSN). Beliau yang terlibat secara langsung dalam kes-kes konflik di Asia Tenggara seperti di Aceh, Mindanao dan Patani banyak menghasilkan buku-buku yang berkaitan dengan kes-kes kajian dan pendekatan konflik dan perdamaian. Kemahiran dan pengalaman yang dimiliki ini membuatkan beliau sering kali menjalinkan kerjasama dengan badan-badan antarabangsa seperti *Swedish International Development Cooperation* (SIDA), SASAKAWA Peace Foundation, Japan International Cooperation